



---

**PEKELILING PENTADBIRAN  
BILANGAN 16 TAHUN 2022**

---

**GARIS PANDUAN KERJASAMA  
ANTARABANGSA  
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar  
**2 Mac 2022 | 28 Rejab 1443H**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

UTEM100-1/3/1(100)

2 MAC 2022  
28 REJAB 1443H

## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2022**

### **GARIS PANDUAN KERJASAMA ANTARABANGSA DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai Garis Panduan Kerjasama Antarabangsa di Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang telah mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 6 Tahun 2021 pada 22 Disember 2021.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Salah satu komponen pengantarabangsaan adalah kerjasama dan hubungan strategik. Kerjasama antarabangsa di dalam konteks universiti ialah kerjasama antara UTeM dengan institusi/badan luar negara yang meliputi aktiviti pendidikan, penyelidikan, penerbitan, persidangan, pertukaran pelajar dan staf serta lain-lain aktiviti yang memberikan situasi menang-menang kepada kedua buah institusi.
- 2.2 Garis panduan kerjasama antarabangsa ini dibuat selaras dengan cadangan semasa Mesyuarat Majlis Dekan-Dekan Fakulti bersama Naib Canselor bagi membolehkan warga universiti memahami proses serta kriteria yang perlu dipertimbangkan sekiranya ingin menjalin hubungan dengan institusi / badan di luar negara.
- 2.3 Dengan dengan adanya garis panduan ini diharapkan kerjasama dapat dijalinkan dengan institusi yang berkualiti supaya dapat melonjakkan kedudukan UTeM di persada dunia mengikut rancangan strategik UTeM 2021-2025, Gol Nombor 1 iaitu *Students' University of Choice* dan Gol Nombor 5 iaitu *Visible and Globally Prominent*.

### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Garis panduan kerjasama antarabangsa ini memberi penekanan khusus kepada kriteria yang perlu dipertimbangkan untuk menjalin kerjasama dengan institusi atau badan luar negara. Pada masa ini, tiada kriteria khusus yang ditetapkan oleh pihak universiti bagi mana-mana kerjasama yang ingin dijalankan dengan institusi atau badan luar negara.
- 3.2 Selain daripada kriteria universiti yang ditekankan di dalam garis panduan ini, proses kelulusan MoU/MoA juga dimasukkan di dalam garis panduan berdasarkan kepada pekeliling yang telah diluluskan oleh pihak universiti sebelum ini. Ini bagi membolehkan warga universiti dapat meneliti dan merujuk keseluruhan proses MoU/MoA dengan lebih mudah dan teratur.
- 3.3 Garis Panduan Kerjasama Antarabangsa adalah seperti di **Lampiran A**.
- 3.4 Setiap pihak perlu memenuhi dan mengikuti kriteria yang telah ditetapkan di dalam garis panduan seperti di Lampiran A untuk pertimbangan dan kelulusan pihak berkuasa melulus seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling Pentadbiran Bilangan 30 Tahun 2021 – Penyelarasaran Perwakilan Kuasa Dokumen-Dokumen di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 4.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MASDZARIF BIN MAHAT**

Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Teknikal Malaysia  
Melaka

**GARIS PANDUAN KERJASAMA  
ANTARABANGSA  
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

## ISI KANDUNGAN

| BIL. | PERKARA   | MUKA SURAT |
|------|---|------------|
| 1.0  | Tujuan  | 3          |
| 2.0  | Tafsiran dan Interpretasi   | 3          |
| 3.0  | Undang-Undang   | 4          |
| 4.0  | Skop Kerjasama  | 5          |
| 5.0  | Permohonan dan Perancangan Kerjasama Antarabangsa   | 6          |
| 6.0  | Pengurusan MoU/MoA  | 11         |
|      | <b>LAMPIRAN I</b><br><br>BORANG PENILAIAN KRITERIA KERJASAMA ANTARABANGSA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA         | 12         |
|      | <b>LAMPIRAN II</b><br><br>CONTOH BORANG PENILAIAN KRITERIA KERJASAMA ANTARABANGSA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA | 15         |

## **GARIS PANDUAN KERJASAMA ANTARABANGSA**

### **DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara mengadakan jalinan kerjasama antarabangsa melalui MoU/MoA di Universiti.

#### **2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRESTASI**

- 2.1 Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

**“Garis Panduan”** ertinya Garis Panduan Kerjasama Antarabangsa Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

**“institusi pengajian”** ertinya organisasi yang menawarkan program-program akademik dan penyelidikan;

**“MoA”** ertinya *Memorandum of Agreement* atau apa-apa jua nama ianya dikenali;

**“MoU”** ertinya *Memorandum of Understanding* atau apa-apa jua nama ianya dikenali;

**“PTj”** ertinya Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Pejabat/Pusat/Fakulti/Institut atau apa-apa jua nama ia disebut yang ditubuhkan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa sama ada mempunyai kuasa kewangan atau tidak; dan

**“Universiti”** ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

## 2.2 Interpretasi

- (a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- (b) Pada bila-bila masa garis panduan ini merujuk setiap hari dalam kalender, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalender Gregorian.
- (c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam garis panduan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan garis panduan ini.
- (d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam garis panduan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Garis Panduan ini.

## 3.0 UNDANG-UNDANG

### 3.1 Garis Panduan ini perlu dibaca bersama undang-undang berikut:-

- (a) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
- (b) Perlembagaan Universiti;
- (c) Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti;
- (d) Pekeliling Pentadbiran Bilangan 30 Tahun 2021 - Penyelarasan Perwakilan Kuasa Dokumen-Dokumen Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka; dan
- (e) apa-apa dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, garis panduan, arahan dan undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

- 3.2 Sekiranya mana-mana peruntukan di dalam Garis Panduan ini menjadi tidak sah dan tidak boleh dilaksanakan disebabkan sebarang alasan, termasuk dan tidak terbatas kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa atau disebabkan keputusan mahkamah atau badan lain atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Garis Panduan ini, maka hanya peruntukan tersebut sahaja yang terbatal manakala peruntukan-peruntukan yang lain masih sah dan berkuat kuasa.
- 3.3 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

#### **4.0 SKOP KERJASAMA**

- 4.1 Skop untuk mengadakan jalinan kerjasama antarabangsa bersama mana-mana institusi pengajian melalui MoU/MoA adalah meliputi aktiviti akademik, penyelidikan, pertukaran pelajar berdaftar, pelajar luar, staf dan staf luar.
- 4.2 Bagi maksud Garis Panduan ini—

**“pelajar berdaftar”** ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk sesuatu ijazah atau diploma termasuk diploma lepas ijazah, tetapi tidak termasuk seorang pelajar luar;

**“pelajar luar”** ertinya ertinya seseorang pelajar berdaftar di kampus di luar Malaysia atau seseorang pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;

**“staf”** ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang

berkhidmat di Universiti secara pinjaman yang dibayar emolumen oleh pihak Universiti; dan

“**staf luar**” ertinya seseorang staf yang berkhidmat di institusi pengajian di luar Malaysia.

## 5.0 PERMOHONAN DAN PERANCANGAN KERJASAMA ANTARABANGSA

5.1 Bagi memastikan setiap MoU/MoA yang bakal dimeterai mampu memberikan impak yang optimum serta memastikan keberadaan Universiti di persada dunia, empat (4) kriteria berikut perlu dipertimbangkan:-

### 5.1.1 Keselamatan

#### 5.1.1.1 Lokasi

- (a) Kerjasama antarabangsa melalui MoU/MoA boleh dilakukan di mana-mana institusi pengajian terkemuka di negara berkenaan **KECUALI** Israel.
- (b) Keutamaan diberikan kepada institusi pengajian dari negara yang berdekatan/berhampiran di Malaysia.
- (c) Institusi pengajian tidak berada di kawasan perang dan wabak penyakit.
- (d) Tiada sebarang larangan perjalanan di antara Malaysia dan negara di mana institusi pengajian tersebut terletak. PTJ perlu menyemak status di Wisma Putra.
- (e) Mempunyai hubungan diplomasi dengan Malaysia.

#### 5.1.1.2 *Person in Charge*

- (a) Semua urusan berkaitan MoU/MoA tidak boleh melalui orang tengah atau orang perseorangan yang tiada kaitan dengan institusi pengajian tersebut.
- (b) Semua komunikasi perlu menggunakan e-mel rasmi institusi pengajian yang berkenaan dan mudah untuk dihubungi.

#### 5.1.2 Bidang dan Program

##### 5.1.2.1 Bidang

Bidang yang ditawarkan di institusi pengajian yang berkenaan perlu selari dan bersesuaian dengan bidang yang ditawarkan di Universiti.

##### 5.1.2.2 Program

- (a) Institusi pengajian perlu menawarkan sekurang-kurangnya program pra-siswazah.
- (b) Program yang ditawarkan oleh institusi pengajian yang berkenaan perlu diperakukan oleh pihak *Malaysian Qualifications Agency* atau tersenarai dalam *Washington Accord/Sydney Accord/Dublin Accord/Association to Advance Collegiate Schools of Business*.
- (c) Maklumat-maklumat yang diperlukan untuk pertimbangan:-

- i. bilangan pelajar prasiswazah dan pascasiswazah institusi pengajian yang berkenaan;
- ii. bilangan keseluruhan staf akademik dan pentadbiran institusi pengajian yang berkenaan;
- iii. bilangan staf akademik yang mempunyai gelaran Profesor; dan
- iv. peratusan staf akademik yang mempunyai PhD.

#### 5.1.3 Pengiktirafan Ranking Unviersiti

- (a) *QS World Ranking* – 1500 dan ke bawah;
- (b) *QS Asia Ranking* – 450 dan ke bawah;
- (c) *Times Higher Education (THE) RANKING* – 1500 dan ke bawah;
- (d) *Engineering and Technology QS Subject Ranking* - 450 dan ke bawah; atau
- (e) lain-lain *ranking* yang berkaitan dengan program atau badan akreditasi.

#### 5.1.4 Kemudahan Kampus dan Perkhidmatan

- (a) Kampus

Institusi pengajian yang berkenaan perlu mempunyai bangunan, makmal dan fasiliti-fasiliti lain yang bersesuaian dengan program akademik yang ditawarkan.

(b) Laman Sesawang Rasmi

Institusi pengajian yang berkenaan perlu mempunyai laman sesawang rasmi yang aktif dan maklumat yang dipaparkan di laman sesawang adalah terkini.

5.2 Selain dari empat kriteria di perenggan 5.1 di atas, tiga (3) kriteria tambahan ini juga perlu dipertimbangkan:-

5.2.1 Bahasa dan Jalinan Antarabangsa

5.2.1.1 Bahasa

Bahasa pengantar yang digunakan oleh institusi pengajian yang berkenaan.

5.2.1.2 Jalinan Antarabangsa

(a) Bilangan pelajar antarabangsa di institusi pengajian yang berkenaan.

(b) Bilangan kerjasama antarabangsa di antara institusi pengajian yang berkenaan dengan institusi pengajian antarabangsa.

5.2.2 Gabungan Badan Antarabangsa

Institusi pengajian yang menganggotai gabungan badan antarabangsa yang sama dengan Universiti sangat digalakkan untuk bekerjasama. Gabungan Badan Antarabangsa tersebut adalah seperti berikut:-

- (a) *Asia Technological University Network (ATU-Net);*
- (b) *University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP);*
- (c) *ASEAN European Academic University Network (ASEA UNINET);*
- (d) *Indonesia Malaysia Thailand Growth Triangle University Network (IMT-GT UNINET); atau*
- (e) lain-lain badan antarabangsa yang dianggotai oleh Universiti dari semasa ke semasa.

#### 5.2.3 Persetaraan Piawaian *Malaysian Qualifications Agency*

Institusi pengajian yang berkenaan perlu mempunyai piawaian sekurang-kurangnya setara atau lebih tinggi dengan piawaian *Malaysian Qualifications Agency* yang digunakan di Universiti.

- 5.3 PTj yang berhasrat untuk mengadakan jalinan kerjasama antarabangsa melalui MoU/MoA perlu menyediakan dokumen-dokumen berikut untuk kelulusan pihak berkuasa Universiti:-
- (a) Kertas kerja;
  - (b) Draf MoU/MoA yang telah dimuktamadkan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang, Universiti;
  - (c) Borang Penilaian Kriteria Kerjasama Antarabangsa yang telah dilengkapkan seperimana di **LAMPIRAN I** dan **LAMPIRAN II**, Garis Panduan ini; dan
  - (d) apa-apa dokumen sokongan lain yang berkaitan (jika ada).

- 5.4 Semua urusan berkaitan pembayaran, perolehan dan sebagainya adalah sepertimana di dalam dokumen di perenggan 3.1(c) di atas.
- 5.5 Semua MoU/MoA yang dibuat di bawah Garis Panduan ini perlu diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti dan ditandatangan oleh pegawai sepertimana di dalam dokumen di perenggan 3.1(d) di atas.

## **6.0 PENGURUSAN MoU/MoA**

### 6.1 Format MoU/MoA

- (a) Format MoU/MoA bagi kerjasama antarabangsa adalah sepertimana format yang telah ditetapkan di pautan berikut:-

[https://canselori.utm.edu.my/en/form\\_manual/category/7-template-memorandum.html](https://canselori.utm.edu.my/en/form_manual/category/7-template-memorandum.html)

- (b) Sebarang pindaan terhadap format MoU/MoA adalah tertakluk kepada semakan semula oleh pihak Pejabat Penasihat Undang-undang. Sebarang penyambungan MoU/MoA di perenggan 6.2 di bawah adalah tertakluk kepada perenggan 6.1 ini.

### 6.2 Penyambungan MoU/MoA

Penyambungan dan penamatan kerjasama antarabangsa adalah sepertimana di dalam dokumen di perenggan 3.1(d) di atas.

### 6.3 Penyimpanan Dokumen dan Pemantauan MoU/MoA

Penyimpanan dokumen dan pemantauan MoU/MoA adalah sepertimana di dalam dokumen di perenggan 3.1(d) di atas.

LAMPIRAN I

BORANG PENILAIAN KRITERIA KERJASAMA ANTARABANGSA  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KRITERIA PERTIMBANGAN:

| BIL. | KRITERIA                        | PENERANGAN   | BUKTI  |
|------|---------------------------------|--|--|
| 1.   | Risiko Keselamatan              | i. Lokasi<br><br>ii. Person in Charge (PIC)  | (Nyatakan dengan terperinci seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan)<br>(Nyatakan nama, emel dan no. telefon)   |
| 2.   | Bidang dan Program              | i. Bidang<br>ii. Program   | (Nyatakan)<br>(Sila sertakan maklumat seperti berikut)<br>- Bilangan pelajar pra siswazah dan pasca siswazah:<br>- Bilangan staf keseluruhan:<br>- Bilangan staf akademik:<br>- Bilangan staf akademik yang mempunyai gelaran Profesor:<br>- Peratusan staf akademik yang mempunyai PhD: |
| 3.   | Pengiktirafan ranking institusi | i- QS World Ranking -1500 dan ke bawah, ATAU<br>ii- QS Asia Ranking - 450 dan ke bawah, ATAU<br>iii- Times Higher Education Ranking - 1500 dan ke bawah, ATAU<br>iv- Engineering and Technology QS Subject Ranking – 500 dan ke bawah, ATAU<br>v- Lain-lain ranking yang berkaitan dengan program atau badan akreditasi. | ADA (no. ranking) / TIADA<br><br>ADA (no. ranking) / TIADA<br><br>ADA (no. ranking) / TIADA<br><br>ADA (no. ranking) / TIADA   |

| BIL. | KRITERIA                          | PENERANGAN                            | BUKTI  |
|------|-----------------------------------|---------------------------------------|--|
| 4.   | Kemudahan Kampus dan Perkhidmatan | i. Kampus<br>ii. Laman sesawang rasmi | (Sila sertakan bukti bergambar)<br>(Sila sertakan alamat laman sesawang rasmi) |

#### KRITERIA TAMBAHAN (PILIHAN)

| BIL. | KRITERIA   | PENERANGAN  | BUKTI  |
|------|--|---|--|
| 1.   | Bahasa dan Jalinan Antarabangsa                            | i. Bahasa<br>ii. Jalinan Antarabangsa   | (Sila nyatakan bahasa pengantar di institusi terbabit)<br>(Sila nyatakan bilangan pelajar antarabangsa di institusi terbabit)<br>(Sila nyatakan bilangan kerjasama antarabangsa di institusi terbabit beserta negaranya) |
| 2.   | Gabungan Badan Antarabangsa                                | i- Asia Technological University Network (ATU-Net)<br>ii- University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP)<br>iii- ASEAN European Academic University Network (ASEA UNINET)<br>iv- Indonesia Malaysia Thailand Growth Triangle University Network (IMT-GT UNINET) | ADA / TIADA<br>ADA / TIADA<br>ADA / TIADA<br>ADA / TIADA   |
| 3.   | Persetaraan Piawaian Malaysian Qualifications Agency (MQA) | Mempunyai piawaian yang sekurang-kurangnya setara atau lebih tinggi dengan piawaian MQA yang digunakan di Universiti  |  |

|                  |                          |   |
|------------------|--------------------------|---|
| Disediakan oleh: | Disahkan oleh Ketua PTj: | Disemak oleh Pusat Antarabangsa Universiti: |
| .....            | .....                    | .....                                       |
| Nama :           | Tandatangan dan Cop :    | Tandatangan dan Cop :                       |

Ulasan Pusat Antarabangsa:

---



---



---



---



---

**LAMPIRAN II**

**CONTOH BORANG PENILAIAN KRITERIA KERJASAMA ANTARABANGSA  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**KRITERIA PERTIMBANGAN:**

| BIL. | KRITERIA                        | PENERANGAN   | BUKTI   |
|------|---------------------------------|--|---|
| 1.   | Risiko Keselamatan              | i. Lokasi<br>ii. Person in Charge (PIC)  | i. Xi An, China<br>ii. Penama 1 dan Penama 2 (institusi luar)   |
| 2.   | Bidang dan Program              | i. Bidang<br><br>ii. Program   | Permintaan:<br>- Pertukaran program (Prasiswa + Sarjana)<br>- Dual Degree (2+2)<br>- Bachelor + Master (4 + 3)<br>- Usahasama dengan: FKEKK, FKE dan FTMK<br>- Bilangan pelajar pra siswazah dan pasca siswazah: Jumlah 34,000<br>- Bilangan staf keseluruhan: 6,000<br>- Bilangan staf akademik: 4,300<br>- Bilangan staf akademik yang mempunyai gelaran Profesor: 100<br>- Peratusan staf akademik yang mempunyai PhD: 70% |
| 3.   | Pengiktirafan ranking institusi | i- QS World Ranking -1500 dan ke bawah, ATAU<br>ii- QS Asia Ranking - 450 dan ke bawah, ATAU<br>iii- Times Higher Education Ranking - 1500 dan ke bawah, ATAU<br>iv- Engineering and Technology QS Subject Ranking – 500 dan ke bawah, ATAU<br>v- Lain-lain ranking yang berkaitan | i- QS World Ranking: 531-540<br><br>ii- QS Asia Ranking: 103<br><br>iii- Times Higher Education Ranking: 501-600<br><br>iv- Engineering and Technology QS Subject Ranking: 450<br><br>v- Ranking institusi di China: 46   |

| BIL. | KRITERIA                          | PENERANGAN                            | BUKTI  |
|------|-----------------------------------|---------------------------------------|--|
|      |                                   | dengan program atau badan akreditasi. |  |
| 4.   | Kemudahan Kampus dan Perkhidmatan | i. Kampus<br>ii. Laman sesawang rasmi | i. website: <a href="http://ppp.qqq.rrr">http://ppp.qqq.rrr</a><br>ii. <a href="http://xxx.yyy.zzz">http://xxx.yyy.zzz</a> |

#### KRITERIA TAMBAHAN (PILIHAN)

| BIL. | KRITERIA   | PENERANGAN  | BUKTI   |
|------|--|---|---|
| 1.   | Bahasa dan Jalinan Antarabangsa                            | i. Bahasa<br>ii. Jalinan Antarabangsa   | i. Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris<br>ii. Tiada maklumat |
| 2.   | Gabungan Badan Antarabangsa                                | i- Asia Technological University Network (ATU-Net)<br>ii- University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP)<br>iii- ASEAN European Academic University Network (ASEA UNINET)<br>iv- Indonesia Malaysia Thailand Growth Triangle University Network (IMT-GT UNINET) | ASEA UNINET   |
| 3.   | Persetaraan Piawaian Malaysian Qualifications Agency (MQA) | Mempunyai piawaian yang sekurang-kurangnya setara atau lebih tinggi dengan piawaian MQA yang digunakan di Universiti  | Tiada maklumat  |

|                  |                          |   |
|------------------|--------------------------|---|
| Disediakan oleh: | Disahkan oleh Ketua PTj: | Disemak oleh Pusat Antarabangsa Universiti: |
| .....            | .....                    | .....                                       |
| Nama :           | Tandatangan dan Cop :    | Tandatangan dan Cop :                       |

Tarikh :

|          |          |
|----------|----------|
| Tarikh : | Tarikh : |
|----------|----------|

Ulasan Pusat Antarabangsa:

---



---



---



---